

# **PEMBANGUNAN DAN CABARAN DIASPORA CITRA BANGSA (*LOCAL GENIUS*): KAJIAN ETNOMONOLOGI LAGENDA MAHSURI, LANGKAWI, MALAYSIA.**

Rosfazila Abd Rahman  
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Abdul Razif Bin Zaini  
Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

## **ABSTRAK**

Setiap bangsa mempunyai nilai-nilai tinggi yang dibangun sepanjang sejarah pembentukan bangsa itu yang menjadi cara hidup masyarakatnya. Nilai-nilai tinggi budaya suatu bangsa itu dikenal dengan istilah kearifan lokal (*local genius*). Pada dasarnya, kearifan lokal bersifat sebagai pedoman dalam berperilaku, seperti halnya mencegah perbuatan yang tidak baik secara norma adat, dan membantu dalam melakukan aktiviti harian. Kearifan lokal dapat terbentuk dengan adanya prinsip-prinsip yang mendasarinya, iaitu: berlangsung dalam sejarah yang cukup panjang, tumbuh secara positif atau ada manfaatnya dan secara sedar kemudian dilestarikan (diaspora). Kajian etnomonologi ini adalah berkaitan perihal kehidupan sosial yang bersifat abstraktif dari lagenda Mahsuri, Langkawi. Hal ini kerana kajian yang dijalankan adalah berasas fenomenologi iaitu menjuruskan kepada realiti sosial yang dibina atas andaian dan hipotesis pengkaji. Melalui kajian ini, fenomena atau realiti sosial yang terlindung dalam kehidupan masyarakat itu dapat dilihat dengan jelas. Selain itu, kajian etnomonologi ini dikukuhkan melalui pendekatan dialektik berasaskan pengetahuan lokal. Hal ini tidak akan dapat disingkapi jika unsur diaspora yang mempunyai peranan penting dalam membentuk citra suatu bangsa itu dikaji. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada mengungkap pembangunan dan cabaran Diaspora Citra Bangsa (*local genius*) pada Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia.

Kata kunci : Diaspora citra bangsa, kajian etnomonologi, sosiologi, sosiolinguistik, Lagenda Mahsuri, *local genius*.

## **PENGENALAN**

Pembangunan dan cabaran diaspora citra bangsa (*local genius*) dalam sebuah kajian etnomonologi mengangkat nilai-nilai tinggi sesuatu bangsa yang dibangun sepanjang sejarah pembentukan bangsa itu yang menjadi cara hidup masyarakatnya. Nilai-nilai tinggi budaya suatu bangsa itu dikenal dengan istilah citra bangsa atau kearifan lokal (*local genius*). Pada dasarnya, citra bangsa adalah bersifat sebagai pedoman dalam berperilaku, seperti mencegah perbuatan yang tidak baik secara norma adat, dan membantu dalam melakukan aktiviti harian. Citra bangsa dapat terbentuk dengan adanya prinsip-prinsip yang mendasarinya, iaitu: berlangsung dalam sejarah yang cukup panjang, tumbuh secara positif atau ada manfaatnya dan secara sedar kemudian dilestarikan (diaspora). Kajian ini berbentuk etnomonologi. Ia berkaitan perihal kehidupan sosial yang bersifat abstraktif dari lagenda Mahsuri, Langkawi. Kajian yang dijalankan adalah berasas fenomenologi iaitu menjuruskan kepada realiti sosial masyarakat Melayu Langkawi yang dibina atas andaian dan hipotesis pengkaji. Melalui kajian ini, fenomena atau realiti sosial yang terlindung dalam kehidupan masyarakat Melayu Langkawi dapat dilihat dengan jelas. Selain itu, kajian etnomonologi ini dikukuhkan melalui pendekatan dialektik berasaskan pengetahuan lokal. Hal ini tidak akan dapat disingkapi jika unsur diaspora yang mempunyai peranan penting dalam membentuk citra bangsa Masyarakat Melayu Langkawi dikaji. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada mengungkap pembangunan dan cabaran Diaspora Citra Bangsa (*local genius*) pada Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia.

## OBJEKTIF KAJIAN

- 1- Menjelaskan kaedah kajian etnomonologi.
- 2- Menghuraikan konsep diaspora citra bangsa (*local genius*) dalam konteks pengkajian.
- 3- Menghuraikan latar Lagenda Mahsuri, Langkawi.
- 4- Menghuraikan aspek pembangunan dan cabaran Diaspora Citra Bangsa (*local genius*) daripada Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia.

## Kaedah Kajian Etnomonologi

Kajian etnomonologi adalah kajian perihal kehidupan sosial yang bersifat abstraktif. Hal ini kerana kajian yang bakal dijalankan adalah berasas fenomenologi iaitu menjuruskan kepada realiti sosial yang dibina atas andaian dan hipotesis pengkaji. Melalui kajian ini, sesuatu fenomena atau realiti sosial yang terlindung dalam kehidupan masyarakat itu dapat dilihat dengan jelas. Selain itu, kajian etnomonologi dikukuhkan melalui pendekatan dialektik berasaskan pengetahuan lokal (Ain Nazri tt). Kajian ini adalah berkaitan perihal kehidupan sosial yang bersifat abstraktif. Hal ini kerana kajian yang bakal dijalankan adalah berasas fenomenologi iaitu menjuruskan kepada realiti sosial yang dibina atas andaian dan hipotesis pengkaji. Melalui kajian ini, sesuatu fenomena atau realiti sosial yang terlindung dalam kehidupan masyarakat itu dapat dilihat dengan jelas. Selain itu, Kajian etnomonologi dikukuhkan melalui pendekatan dialektik berasaskan pengetahuan lokal (Ain Nazri tt). Tuntasnya unsur diaspora mempunyai peranan penting dalam membentuk citra suatu bangsa

## Konsep Diaspora Citra Bangsa (*Local Genius*)

### Diaspora

Istilah diaspora digunakan untuk merujuk pada penyebaran kelompok agama atau kelompok etnik dari tanah air mereka, baik dipaksa mahupun dengan sukarela. Kata ini juga digunakan untuk merujuk pada penyebaran orang-orang sebagai kelompok kolektif dan masyarakat. Sejarah manusia menunjukkan sejumlah diaspora. Terpisah dari tanah kelahiran dan budaya, boleh menjadi suatu peristiwa besar bagi seseorang atau sekelompok orang (<http://www.merriam-webster.com/dictionary/diaspora>).

Diaspora berasal dari istilah Yunani Kuno yang bermaksud “menyebarkan atau menabur benih.” Diaspora berbeza dengan imigrasi. Diaspora mengharuskan anggota suatu masyarakat pergi bersama dalam jangka waktu yang singkat, bukan pergi perlahan-lahan dalam waktu lama meninggalkan kampung halaman. Masyarakat yang melakukan diaspora juga dicirikan dengan usaha mereka untuk mempertahankan budaya, agama, dan kebiasaan lainnya di tempat baru. Mereka biasanya hidup berkelompok dengan sesamanya dan kadang tidak mahu berinteraksi dengan warga tempatan.

Banyak diaspora terjadi sepanjang sejarah, dengan penyebab mulai dari bencana alam, usaha mencari tempat yang lebih baik, hingga akibat paksaan. Salah satu contoh diaspora yang terkenal adalah diaspora Yahudi yang dimulai pada tahun 600 SM. Orang-orang Yahudi sering digunakan sebagai contoh klasik diaspora kerana telah berpindah beberapa kali, dengan banyak diantaranya melalui paksaan. Meskipun beberapa kali berpindah tempat, orang Yahudi yang mengalami diaspora tetap berusaha mempertahankan ikatan komuniti yang kuat beserta dengan tradisi, budaya, dan agama mereka. Konsep diaspora juga digunakan dalam konteks diaspora Afrika. Orang Afrika banyak mengalami pemindahan paksa oleh orang Eropah untuk kemudian dijadikan hamba.

Selain berusaha untuk mempertahankan identiti mereka, banyak anggota dari diaspora berharap suatu saat nanti mereka akan kembali ke tanah air mereka walau hanya sekadar berkunjung atau untuk hidup bermastautin. (<http://www.amazine.co/25264/apa-itu-diaspora-fakta-sejarah-informasi-lainnya/28Julai2016>)

### Citra bangsa

Setiap bangsa mempunyai nilai-nilai tinggi yang dibangun sepanjang sejarah pembentukan bangsa itu yang menjadi cara hidup masyarakatnya. Nilai nilai tinggi budaya suatu bangsa itu dikenal dengan istilah kearifan local (*local genius*). Pada dasarnya, kearifan lokal bersifat sebagai pedoman dalam berperilaku, seperti halnya mencegah perbuatan yang tidak baik secara norma adat, dan membantu dalam melakukan aktivitas. Kearifan lokal dapat terbentuk dengan adanya prinsip-prinsip yang mendasarinya, iaitu: berlangsung dalam sejarah yang cukup panjang,

tumbuh secara positif atau ada manfaatnya dan secara sadar kemudian dilestarikan. Kearifan lokal dalam ragamnya dapat dibedakan jenis-jenisnya, antara lain: pertanian, etika sopan santun pergaulan, kesenian, mata pencarian hidup, kesihatan dan ubat, hidup berumah tangga dan bermasyarakat, dan pemerintah. *Local genius* kebudayaan mempunyai dua elemen. (1) segala nilai, konsep dan teknologi yang telah dimiliki oleh suatu bangsa sebelum mendapat pengaruh asing; (2) daya yang dimiliki suatu bangsa untuk menyerap, menafsirkan, mengubah dan mencipta, sepanjang terjadinya pengaruh asing. Dalam tatanan formal citra bangsa ini adalah citra Negara. Citra atau Image negara akan mempengaruhi hubungan dengan negara lain. Hal ini dapat dilihat dalam sektor perdagangan, investasi dan pariwisata. Citra Negara juga dipengaruhi perilaku penyelenggara negara dalam mengelola negara atau penyelenggara negara dan warga negaranya ketika pergi ke luar negeri, baik belajar, bekerja atau melakukan bisnis. Namun tak dapat dipungkiri jika media massa mempunyai peranan penting dalam membentuk citra suatu bangsa (kiki Zakiah, tt)

Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia.

Tidak banyak cerita tentang rakyat ditulis apatah lagi tentang sejarah seorang wanita. Oleh itu jika muncul seorang tokoh daripada golongan rakyat, maka ceritanya hanya diturunkan melalui tradisi lisan. Ini menjadikan banyak versi dan ada tokoh tambah. Demikian juga halnya dengan cerita Mahsuri yang mempunyai tidak kurang daripada 14 versi. Bagaimanapun asas cerita, tema dan tokoh-tokoh yang terlibat tidak banyak berbeza (Mohd.Isa Othman tt).

Mahsuri menjadi lagenda kerana nasib yang menimpa Langkawi selepas peristiwa pembunuhan ke atasnya. Langkawi menjadi pulau yang tidak aman dan tidak makmur selama tujuh keturunan. Inilah kesan penganiayaan, cemburu dan kemarahan yang tidak terbatas. Inilah juga kesan menghukum puteri simbol kesucian. Nampaknya sejarah lisan mempunyai mekanisme tersendiri untuk merasionalkan sesuatu peristiwa atau kejadian sejarah (Mohd.Isa Othman tt).

Tidak dapat dipastikan bilakah peristiwa Mahsuri berlaku kerana tidak ada rekod-rekod bertulis ditemui hingga setakat ini. Kisahnya hanya bergantung kepada sumber lisan. Ada sumber yang menyebut peristiwa ini berlaku pada zaman Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1798). Satu lagi sumber menyatakan ianya berlaku semasa pemerintahan Sultan Tajuddin Halim Shah II (1804-45). Justeru, dapat disimpulkan bahawa peristiwa ini berlaku sekitar dua abad yang lalu.

Kisah lagenda Mahsuri boleh dibahagikan kepada empat fasa; Latar belakang lagenda, zaman perawan Mahsuri, tragedi Mahsuri dan kesan tragedi Mahsuri.

Latar Belakang lagenda Mahsuri

Latar belakang lagenda mahsuri bermula di Kampung Mawat, Mukim Ulu Melaka. Keluarga tinggal tiga sekeluarga. Bapa bernama Pandak Mayah, ibunya Mak Andak Along dan seorang anak perempuan bernama Mek Yah. Keluarga miskin ini menjalankan kegiatan pertanian sebagai sumber rezeki iaitu berhumah, bercucuk tanam, penternakan sara diri dan mencari barang-barang hutan. Nasib keluarga ini mula berubah selepas Pandak Mayah mencari kerbaunya yang hilang. Semasa hujan lebat, beliau singgah berlindung di bangsal terbiar dan berjumpa kerak nasi yang dikatakan Maya Padi (semangat Padi). Maya Padi yang berupa kerak nasi dibawa balik kepada isterinya lalu mencampurkannya dengan nasi yang ditanak. Memakan nasi bercampur Maya Padi ini menjadi titik peralihan yang mengubah nasib keluarga Pandak Maya. Rezekinya mula bertambah dan seterusnya isterinya hamil lagi (Mohd.Isa Othman tt).

Rezeki Pandak Maya mula melimpah selepas menjumpai burung layang-layang di gua, di Belanga Pecah. Beliau telah menjual sarang-sarang burung tersebut kepada taukeh Cina di Pengkalan (Padang Mat Sirat) untuk pasaran Pulau Pinang. Sarang burung layang-layang menjadikan keluarga Pandak Maya kaya. Bagaimanapun apabila diminta rakan-rakannya menunjukkan tempat sarang burung tersebut, tidak dijumpai lagi. Apatah lagi kegiatan persendirian Pandak Maya semakin meningkat penghasilannya. Ternakan dan tanaman semakin menjadi dan pengeluaran bertambah banyak

Cerita tentang tuah anak yang dikandung isterinya bertambah hebat apabila suatu malam, Pandak Maya terdengar suara ular itik (ular cinta Mani) berdekatan rumahnya. Pandak Maya berjaya menangkap dua ekor lalu dimasak

untuk hidangan keluarga. Mengikut kepercayaan orang tua, siapa yang memakan daging itik ini akan beroleh rezeki yang melimpah (Mohd.Isa Othman tt).

Apabila tiba masa, Mak Andek Alang melahirkan bayi perempuan yang comel, dan dinamakan Mahsuri. Rezeki keluarga ini semakin bertambah apabila Pandak Maya menjumpai batu kemian yang kemudiannya dijual kepada taukeh Cina di Padang Mat Sirat.

Zaman perawan Mahsuri

Mahsuri membesar seperti gadis-gadis yang lain tetapi kecantikannya yang membezakan. Kecantikannya menjadi buah mulut orang dan faktor kecantikan inilah yang menarik minat pembesar Langkawi bergelar Dato Seri Kama Jaya untuk melihat sendiri wajah Mahsuri. Apabila datang melawat Kampung Mawat, ternyata Dato Seri Kama Jaya pun turut terpicik dengan kecantikan Mahsuri dan ingin menyuntingnya sebagai isteri kedua. Walaubagaimanapun hasratnya ditentang isteri bernama Mahura. Mahura dikatakan seorang wanita yang pintar dan banyak membantu suaminya mentadbir Langkawi. Hal ini menyebabkan Dato Seri Kama Jaya sukar untuk mengeneppikan begitu sahaja isterinya (Mohd.Isa Othman tt).

Apabila Dato Seri Kama Jaya menyuarkan hasrat hati kepada isterinya, Mahura telah menolak dan Dato Seri Kama Jaya terpaksa akur. Bagi penyelesaian masalah, Mahura mencadangkan supaya Mahsuri dipinang untuk anak lelaki mereka yang bernama Wan Mat Deris. Wan Mat Deris dikatakan seorang anakmuda yang gagah dan pintar dalam ilmu persilatan. Beliau dikatakan pernah terlibat dalam beberapa peperangan. Selain itu Wan Mat Deris juga seorang pedagang muda yang berjaya dan menjalankan urus niaga dengan Siam, Pulau Pinang serta dataran Kedah (Mohd.Isa Othman tt).

Perkahwinan yang diatur Mahura tidak menyelesaikan masalah kebimbangan kemerosotan pengaruhnya ke atas suami dan penduduk Langkawi. Mahura memastikan Mahsuri tidak menetap sebumbung tetapi terus tinggal di rumah Pandak Maya. Keluarga Pandak Maya tidak menolak malah bersyukur kerana menantunya akan menetap bersamanya, dan dia tidak terpisah dengan Mahsuri. Perkongsian hidup Wan Mat Deris dengan Mahsuri cukup bahagia, dan mereka dikurniakan cahaya mata bernama Wan Mat Arus (Mohd.Isa Othman tt).

Tragedi Mahsuri

Tragedi ke atas Mahsuri bermula dengan kedatangan seorang pemuda miskin bernama Deramang yang dikatakan berasal dari Melaka. Sesetengah sumber mengatakan asalnya dari Sumatera. Deramang telah merantau ke Pulau Pinang, Perlis dan kemudian ke Langkawi. Sebagai seorang celik huruf, Deramang gemar dan ahli membaca hikayat dan syair. Pandak Maya meminta Deramang membacakan hikayat dan syair pada waktu malam di rumahnya. Acara ini telah menjadikan rumah Pandak Maya sebagai tempat tumpuan ramai. Mahsuri juga seorang peminat setia Deramang.

Sekali lagi peningkatan kepopularan Mahsuri membimbangkan pengaruh Mahura. Dia juga bimbang populariti suaminya merosot, dan kuarat suaminya masih menyimpan hasrat ke atas Mahsuri. Semasa Wan Mat Deris berdagang ke Siam, Mahura telah membuat tuduhan yang Mahsuri dengan Deramang mempunyai hubungan sulit. Buktinya cincin yang dipakai Deramang adalah hadiah pemberian Mahsuri. Sejauh mana hubungan intim Mahsuri dengan Deramang tidak dapat dibuktikan dengan jelas. Dato Seri Kama Jaya tidak menyiasat dengan mendalam dan menolak semua alasan Mahsuri. Beliau telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Mahsuri tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Sultan Kedah (Mohd.Isa Othman tt).

Apabila Mahsuri ditangkap, dibawa ke Padang Hangus dan diikatkan di pokok asam jawa. Dia diperintah dibunuh dengan rejaman tombak tetapi tombak-tombak tersebut tidak lut ke tubuh Mahsuri. Mahsuri sendiri telah memberitahu rahsia kekebalannya iaitu tombaknya sendiri. Apabila menggunakan tombak tersebut, darah terpancut berwarna putih (Mohd.Isa Othman tt).

Kesan tragedi Mahsuri

Sebelum menghembus nafas terakhir, Mahsuri melafazkan sumpah bahawa Langkawi akan menjadi tandus seperti "Padang jarak Padang Tekukur" membawa makna bahawa Langkawi tidak akan aman dan makmur selama tujuh keturunan. Aneh kerana yang bersalah ibu mertuanya Mahura dan bapa mertuanya Dato Seri Kama Jaya sahaja dan

bukan seluruh Langkawi. Aneh lagi kerana selepas itu sememangnya Langkawi diserang askar Siam. Mahura dan Dato Seri Kama Jaya terbunuh. Ramai orang Langkawi ditawan dan dijadikan hamba. di bawah pimpinan seorang lagi anak Dato Seri Kama Jaya iaitu Wan Mohd Ali. dirwayatkan juga bahawa suasana fizikal Langkawi turut menjadi tandus dan kering kontang. Tiada hujan dan tanah sawah tidak menjadi.

Suami Mahsuri dan anak lelakinya dikatakan berhijrah ke Thailand kerana sedih serta kecewa lalu membawa diri jauh dari tanah Langkawi. Legasi dan diaspora keturunan mahsuri dijejaki selepas tujuh keturunan seperti makna sumpahan yang dilafazkan.

Lagenda Mahsuri terus dikenang dalam pengertian pengajarannya. Kini Makam Mahsuri telah dibina begitu rupa sebagai kompleks sejarah dan budaya. Langkawi kembali makmur sebagai bandaraya pelancongan

Pembangunan Dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (*Local Genius*), Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia.

Kajian etnomonologi lagenda Mahsuri adalah kajian perihal kehidupan sosial yang bersifat abstraktif. Hal ini kerana kajian yang dijalankan adalah berasas fenomenologi iaitu menjuruskan kepada realiti sosial yang dibina atas andaian dan hipotesis pengkaji. Melalui kajian ini, fenomena atau realiti sosial yang terlindung dalam kehidupan masyarakat Melayu Langkawi khususnya dapat dilihat dengan jelas. Selain itu, kajian etnomonologi ini dikukuhkan melalui pendekatan dialektik berasaskan pengetahuan lokal (Ain Nazri tt).

Istilah diaspora dalam konteks kajian adalah merujuk kepada penyebaran kelompok etnik Melayu dari Langkawi. Kata ini juga digunakan untuk merujuk pada penyebaran orang-orang Melayu Langkawi sebagai kelompok kolektif dan masyarakat. Diaspora masyarakat Melayu Langkawi mengharuskan anggota masyarakat pergi bersama dalam jangka waktu yang singkat, bukan pergi perlahan-lahan dalam waktu lama meninggalkan kampung halaman. Masyarakat Melayu Langkawi yang melakukan diaspora juga dicirikan dengan usaha mereka untuk mempertahankan budaya, agama, dan kebiasaan lainnya di tempat baru. Dalam konteks etnik Melayu Langkawi, mereka biasanya hidup berkelompok dengan sesamanya dan berinteraksi dengan warga tempatan dan juga di tempat lain. Keadaan ini menggambarkan bahawa selain berusaha untuk mempertahankan identiti mereka, Etnik Melayu langkawi dari diaspora berharap mereka akan kembali ke tanah air mereka walau hanya sekadar berkunjung atau untuk hidup bermastautin.

Citra bangsa etnik Melayu Langkawi terbentuk dengan adanya prinsip-prinsip yang mendasarinya, iaitu: berlangsung dalam sejarah Lagenda Mahsuri yang cukup panjang, tumbuh secara positif, ada manfaatnya dan secara sedar kemudian dilestarikan. Citra bangsa etnik Melayu Langkawi dalam ragamnya dapat dibezakan jenis-jenisnya, antara lain: pertanian, etika sopan santun pergaulan, kesenian, mata pencarian hidup, kesihatan dan ubat, hidup berumah tangga dan bermasyarakat, dan pemerintah.

Pembangunan dan cabaran

Pembangunan dan cabaran diaspora citra bangsa (*local genius*), lagenda mahsuri, langkawi dapat dikenalpasti seperti perkara-perkara berikut:

1. Pertanian: Dalam masyarakat Melayu petani, padi adalah simbol kemakmuran dan punca rezeki yang perlu dihormati.
2. Etika sopan santun pergaulan: kecantikan pekerti dan Personaliti serta keperibadian tinggi yang digambarkan melalui watak Mahsuri adalah simbol etika sopan santun pergaulan citra bangsa etnik Melayu Langkawi.
3. Kesenian: elemen psiko mistik/kesaktian; kepercayaan masyarakat yang rezeki hanya dianugerahkan untuk seseorang dan bukan untuk perkongsian bersama; cerita di sekitar kehamilan Mak Andak Alang, keluarganya sudah berlimpah rezeki; petanda bayi bakal lahir membawa tuah; kesaktian tombak dan darah putih
4. Mata pencarian hidup: sistem sosio ekonomi; Pertanian, penternakan dan perniagaan.
5. Institusi keluarga dan masyarakat; sistem sosio ekonomi dan sosio politik masyarakat Melayu Langkawi telah lama terbentuk dan bersifat "establish".
6. Hidup berumah tangga dan masyarakat: Melalui watak Mahura, isteri Dato Seri Kama Jaya dan watak mahsuri itu sendiri menunjukkan pengaruh wanita sangat penting dalam aspek hidup berumah tangga dan masyarakat.

7. Pemerintah: Tragedi Mahsuri yang diceritakan dalam tradisi dibumbui dengan mitos bagi menggambarkan protes terhadap ketidakadilan pemerintah.
8. Kesihatan dan ubat: Masyarakat Melayu terkesan dengan kemerosotan digambarkan daripada kesan sumpahan (kesihatan) bagaimanapun orang Langkawi terus berjuang menentang penjajahan Siam (ubat).

#### Penutup

Pada fasa latar belakang lagenda Mahsuri dapat dilihat bahawa terdapatnya elemen-elemen kemajuan, kemakmuran, tuah dan kesaktian juga kelagendaan. Keluarga yang bermula miskin menjadi makmur dengan meningkatnya elemen psiko sosial keluarga, daripada bertani kepada berniaga di samping beroleh tuah melalui penemuan elemen-elemen mistik/kesaktian di sepanjang proses tersebut yang dilihat sebagai petanda awal dan penyebab kelangsungan cerita lagenda ini.

Pada fasa zaman perawan Mahsuri dapat dilihat pula tentang kecantikan dan keperibadian Mahsuri yang dicemburui. Walaupun diselubungi konflik keluarga mertua, Mahsuri bagaimanapun ditakdir berjodohan dengan jejaka yang baik, gagah dan pintar dalam ilmu persilatan. Keadaan ini menggambarkan kelangsungan tinggi identiti kepada generasi Mahsuri yang mendatang.

Pada fasa tragedi dan kesan tragedi mahsuri yang dilihat sebagai klimax kepada cerita lagenda Mahsuri, dapat diperhatikan bahawa fitnah adalah merupakan mudarat sosial yang sangat membinasa. Fitnah yang tidak diselidiki dan hukuman yang tidak berasas pula telah menjadikan Mahsuri teraniaya dan menjadi mangsa. Tambahan pula ketidakadilan sosial di dalam konteks ini dilihat sebagai tiada pembelaan. Justeru elemen psiko mistik/kesaktian telah menggambarkan ihsan kepada watak Mahsuri yang tidak mendapat keadilan dan pembelaan wajar dari persekitaran sosio politik beliau berada. Elemen sumpahan pula bukanlah sebagai hukuman tetapi lebih kepada memberi pengajaran kepada seluruh masyarakat supaya fitnah dihindarkan dan keadilan serta pembelaan ditegakkan justeru penganiayaan dapat dihindarkan. Tragedi Mahsuri sebenarnya bukan sahaja telah menyampaikan mesej malah telah menyebarkan sebuah formula kesejahteraan sosial kepada seluruh warga Langkawi khususnya dan kepada masyarakat umumnya.

Tuntasnya, pembangunan dan cabaran diaspora citra bangsa (*local genius*), lagenda mahsuri, langkawi dapat dikenalpasti sebagai terangkum dalam aspek-aspek seperti pertanian, etika sopan santun pergaulan, kesenian, mata pencarian hidup, kesihatan dan ubat, hidup berumah tangga dan bermasyarakat, dan pemerintah.

#### Rujukan

Ain Nazri. Definisi etnografi dan Etnomonologi.

[https://www.academia.edu/9325013/Definisi\\_Etnografi\\_dan\\_Etnomonologi](https://www.academia.edu/9325013/Definisi_Etnografi_dan_Etnomonologi).16Oktober2016.

Diaspora fakta sejarah dan informasi. <http://www.amazine.co/25264/apa-itu-diaspora-fakta-sejarah-informasi-lainnya/28Julai2016>

Diaspora. <http://www.merriam-webster.com/dictionary/diaspora>.28Julai2016.

Berger, Peter L & Thomas Luckmann. 1991. Tafsir Sosial atas Kenyataan; Risalah tentang Sosiologi Pengetahuan. Terjemahan Hasan Basari. Jakarta: LP3ES.

Berger, Peter L dan Thomas Luckman. 1967. The Social Construction of Reality, A Treatise in the sociology of Knowledge. New York: Anchor Books.

Kiki Zakiah. Citra bangsa dalam bingkai media.

<http://komunikasi.unsoed.ac.id/sites/default/files/36.Kiki%20zakiah-unisba.pdf>.15oktober2016.

Mohd. Isa Othman. Mahsuri. [http://www.mykedah2.com/10heritage/111\\_1.html](http://www.mykedah2.com/10heritage/111_1.html). 10Oktober2016.